

PERTANDINGAN MENCIPTA MERCU TANDA DATARAN BAU (LOBUH PASAR BAU) UNTUK MAJLIS PERASMIAN DATARAN BAU & *BAU NIGHT MARKET*

1. SYARAT PERTANDINGAN, SPESIFIKASI REKA BENTUK

a) Syarat -Syarat Pertandingan

- i. Penyertaan adalah terbuka kepada semua yang berminat.
- ii. Penyertaan dalam pertandingan ini adalah percuma.
- iii. Setiap peserta **boleh menghantar lebih dari satu (1)** reka bentuk ciptaan bersama borang penyertaan.
- iv. Semua ciptaan **mestilah asli (tidak ditiru/diciplak)** dan **tidak mengandungi unsur-unsur lucah.**
- v. Reka bentuk mercu tanda boleh dicipta dengan menggunakan lukisan tangan atau grafik komputer mengikut standard **JPEG/BMP/PICT/DOC**
- vi. Setiap ciptaan hendaklah dikemukakan dalam bentuk **soft copy** (CD) dan **hard copy.**
- vii. **Nama, nombor kad pengenalan serta tandatangan hendaklah dicatat di sebelah kanan di belakang hasil ciptaan masing-masing.**
- viii. Segala kos untuk menyertai pertandingan ini adalah atas tanggungan peserta sendiri.

b) Spesifikasi Reka Bentuk Mercu Tanda

- i. Reka Bentuk mestilah baru dan asli.
- ii. **Hard copy** yang dihantar mesti menggunakan **kertas bersaiz A4.**
- iii. Maksimum bilangan warna yang digunakan dalam reka bentuk mercu tanda adalah **tiga (3) warna iaitu hijau, ungu dan biru.**
- iv. Di bahagian bawah reka bentuk mercu tanda mestilah di tulis "***Lobuh Pasar Bau***" dengan menerapkan slogan Majlis Daerah Bau " ***A Beautiful, Amazing & Unique Gold Town***"
- v. Tema dan konsep mercu tanda hendaklah menggambarkan Bandar Bau sebagai "***A Beautiful, Amazing & Unique Gold Town***"

2. BORANG PENYERTAAN

- i. Borang penyertaan pertandingan boleh diperolehi di **kaunter Khidmat Pelanggan Majlis Daerah Bau** atau **dimuat turun melalui laman Web Majlis Daerah Bau.**
- ii. Setiap peserta hendaklah mengisi borang penyertaan yang disediakan dengan kemas dan jelas.

3. HADIAH PERTANDINGAN

- i. Hanya satu reka bentuk mercu tanda sahaja akan dipilih untuk memenangi pertandingan ini.
- ii. Hadiah Utama Pemenang akan menerima wang tunai RM 1,000.00 sahaja beserta Sijil penghargaan.
- iii. Bagi penyertaan yang tidak terpilih sebagai pemenang akan menerima sijil penyertaan sahaja.

4. PANEL PENILAI

- i. Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan **MUKTAMAD** oleh Panel Penilai.
- ii. Panel Penilai berhak untuk **membatalkan penyertaan** pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan.
- iii. Reka bentuk yang terpilih akan digunapakai dan menjadi **Hakmilik Hak Cipta Majlis Daerah Bau (MDB) Sepenuhnya**.

5. TEMPOH PENYERTAAN

- i. Penyertaan akan dibuka **mulai 12 Mac 2018 (Isnin) hingga 23 Mac 2018 (Jumaat)** pada pukul **5.00 Petang**.
- ii. Sebarang penyertaan yang diterima selepas pukul **5.00 Petang** tidak akan dilayan oleh pihak **Urus Setia**.

6. ALAMAT UNTUK MENGEMUKAKAN PENYERTAAN

Setiap penyertaan hendaklah dihantar ke alamat berikut :

**Urus setia Pertandingan Pertandingan Mencipta Mercu Tanda
Bahagian Pembangunan Komuniti,
Majlis Daerah Bau,
Jalan Ong Guan Cheng,
94000 Bau, Sarawak.**

Tel: 082-763 129 (sambungan 12)

Faks: 082-763 545

Emel: adelinem@sarawaknet.gov.my